

## Dua buruh disyaki terlibat dadah diberkas

October 8, 2015, Thursday

MIRI: Sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri berjaya memberkas dua buruh disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Kedua-dua suspek telah ditangkap hasil serbuan polis ke sebuah rumah di kawasan Quadruplex Bandar Baru Permyjaya di sini.

Terdahulu, bertindak atas maklumat diterima, sepasukan polis BSJND Miri diketuai Inspektor Shahibbul Najib Kamaruddin membuat serbuan ke sebuah rumah terletak di kawasan Quadruplex Bandar Baru Permyjaya di sini.

Dalam serbuan jam 10.15 pagi itu, polis menahan dua lelaki berada dalam rumah untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Semasa pemeriksaan dibuat, suspek pertama telah menyerahkan sebuah beg kecil kepada pihak polis.

Apabila diperiksa, polis dapati beg berkenaan ada mengandungi satu paket plastik kecil lutsinar berisi ketulan kristal dipercayai dadah berbahaya jenis syabu dengan berat kasar 0.33 gram.

Dalam serbuan sama, polis turut menahan dua lagi suspek yang berada di luar rumah tersebut untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terbabit dalam kegiatan sama.

Hasil pemeriksaan badan, polis tidak menjumpai apa-apa yang menyalahi undang-undang.

Barang disyaki dadah itu telah dirampas dan keempat-empat suspek berusia antara 22 hingga 46 tahun kemudian dibawa ke pejabat BSJND Miri untuk menjalani ujian saringan air kencing.

Hasil ujian mendapati semua mereka positif dadah jenis Amphetamine.

Berikutan itu, mereka telah ditangkap mengikut Seksyen 12 (2) dan Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membantu siasatan lanjut polis kerana disyaki memiliki dan memasukkan dadah ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa